

SUP Pengerusikan Mesyuarat Kluster Pendidikan Sabah di UMS

Terakhir dikemaskini: Isnin, 25 Februari 2019 08:52 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 351

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



ISNIN, 25 FEBRUARI - Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Perhubungan Kluster Pendidikan Negeri Sabah yang dipengerusikan Setiausaha Persekutuan Sabah, Nor Azri Zulfakar, baru-baru ini.

Menurut kenyataan Bahagian Pentadbiran dan Governan Jabatan Pendaftar UMS, mesyuarat tersebut antara lain mengupas agenda mengenai kaedah untuk mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh kluster pendidikan khususnya di negeri Sabah.

“Turut dibincangkan isu dan cabaran dalam menerapkan sahsiah jati diri dan keterhadapan belia pada ketika ini dengan kemudahan teknologi yang kian berkembang pesat, di samping mencari

langkah mempelbagaikan kaedah dalam aspek pengajaran dan pendidikan ke arah Revolusi Industri (IR) 4.0.

“Hasil daripada perbincangan dan percambahan idea tersebut akan dibentangkan di peringkat pengurusan tertinggi oleh Nor Azri,” demikian menurut kenyataan tersebut.

Kenyataan itu turut memaklumkan bahawa seramai 30 ahli hadir menjayakan mesyuarat yang diurussetiakan sendiri oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin.

Ia termasuklah wakil-wakil dari Institusi Pengajian Tinggi Awam, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Pengarah-pengarah Institut Pendidikan Guru, Pengarah-pengarah Politeknik, Wakil Institut Latihan Perindustrian (ILP), Pengarah Institut Kemahiran Mara Kota Kinabalu serta Pengarah-pengarah Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Tinggi seluruh Sabah.

Kesemua mereka turut dibawa melawat ke beberapa destinasi menarik sekitar kampus UMS.